

UMP peroleh status autonomi

» Diberi kuasa
urus kewangan,
pentadbiran,
akademik,
sumber manusia

Oleh Abdul Razak Raaff dan
Ainal Marhaton Abd Ghani
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Kementerian Pendidikan Tinggi menjangkakan semua 20 universiti awam akan memperoleh status autonomi dalam beberapa tahun lagi.

Menterinya, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata setakat ini 13 daripadanya sudah mendapat status yang membolehkan masing-masing melonjakkan daya saing, prestasi akademik dan modal insan.

Beliau berkata, Universiti Malaysia Pahang (UMP) adalah universiti awam ke-13 menerima status autonomi merangkumi empat bidang utama iaitu tadbir urus institusi, tadbir urus kewangan, tadbir urus sumber manusia dan tadbir urus akademik.

Dua belas universiti awam yang sudah menerima status autonomi iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).



Idris (kiri) menyerahkan sijil autonomi kepada Mohd Hilmey sambil disaksikan Daing Nasir Ibrahim (kanan) dan Zaini (dua dari kiri) di Pekan, semalam. [FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]

Universiti lain ialah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, (UTEM).

“Dijangkakan beberapa universiti lagi akan diberikan autonomi secara berperingkat pada masa depan yang menggunakan pakai Kod Panduan Amalan Tadbir Urus Terbaik (CUGG) dan Indeks Tadbir Urus Universiti Terbaik (UGGI).

Ada kuasa autonomi

“Apabila mereka diberi status autonomi, mereka bebas menentukan sendiri kursus pembelajaran, pengambilan pela-

jar, tahap graduan dan modal insan,” katanya pada sidang media selepas majlis pengantaraan autonomi dan aspirasi universiti-industri UMP di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zaini Ujang; Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd Hilmey Mohd Taib dan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Idris turut menyaksikan pertukaran dokumen memorandum persefahaman (MoU) antara UMP dengan 11 rakan industri sebagai kerjasama strategik melaksanakan pelbagai kajian dan penyelidikan (R&D).

Dalam perkembangan berkaitan, Idris berkata, jalinan kerjasama di antara Universiti Automotif DRB-HICOM Malaysia (DHU) dan UMP berpotensi menjadikan industri automotif negara terus berkembang pesat.

Katanya, pihaknya yakin usaha sama itu mampu meningkatkan industri berkenaan berdasarkan kedua-duanya saling berkait rapat dalam sektor terbabit.

“Usaha sama ini membolehkan DHU yang turut menawarkan program peringkat ke-doktoran menggunakan sepenuhnya keperluan yang ada di UMP dan begitu juga sebaliknya,” katanya di DHU di sini, semalam.